

## **Sistem Merit dan Impaknya Terhadap Penglibatan serta Penganjuran Program Oleh Penghuni Kolej Ungku Omar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Mashrom Muda, Siti Farhannie Mohd Adnan, Norashikin Hamzah,  
Siti Fatimah Mohd Tarmizi, Muhammad Haziq Bin Mohd Rohir,  
Ahmad Ruzaini Rahim & Zul Fadli Mohd Kamal  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **ABSTRAK**

Kehidupan seseorang pelajar universiti pada hari ini tidak lagi terfokus kepada bidang akademik semata-mata, sebaliknya telah melangkaui pelbagai bidang dan sempadan yang luas. Sesuai dengan keadaan kehidupan pada hari ini yang semakin mencabar, seseorang individu yang bergelar mahasiswa/i dituntut supaya meneroka pelbagai ilmu baru sebagai persiapan untuk berhadapan dengan cabaran selepas meninggalkan lapangan akademik kelak. Salah satu bidang yang memberi nilai tambah atau *softskill* yang berguna kepada mahasiswa/i ialah terlibat dan menganjur pelbagai program, terutamanya pada peringkat kolej kediaman di universiti. Namun begitu, tidak semua mahasiswa/i yang mempunyai kesedaran serupa (terlibat dengan program kolej) kerana masih ramai yang memilih untuk melepak di kedai makan, menghabiskan masa di dalam bilik untuk bermain permainan secara atas talian serta melayari internet atau telefon bimbit (seperti *facebook*, *instagram*, *twitter*). Sebagai alternatif, sistem merit telah diperkenalkan di peringkat kolej kediaman untuk memberi kesedaran dan mendidik mahasiswa/i supaya mereka merebut sebanyak mungkin peluang yang ada di alam universiti. Selain itu, dengan adanya sistem merit mahasiswa/i yang memberi banyak sumbangan dan terlibat secara aktif untuk menaikkan lagi nama kolej ke peringkat yang lebih tinggi akan diberi 'kredit'. Oleh itu, artikel ini bertujuan membincangkan impak sistem merit ke atas penglibatan dan penganjuran program oleh penghuni atau mahasiswa/i di Kolej Ungku Omar (KUO), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Data primer diperolehi daripada rekod penganjuran program (kertas kerja program), manakala data sekunder berbentuk kajian lepas, jurnal-jurnal, surat khabar dan statistik turut digunakan. Artikel ini mendapati bahawa, sistem merit yang diperkenalkan memberi impak yang besar kepada penghuni kolej untuk terlibat dan menganjur pelbagai program kolej. Selain dapat mencungkil dan mengembangkan bakat, penghuni KUO yang terlibat dengan program turut berpeluang mempelajari pelbagai ilmu baru dan meningkatkan kemahiran diri seperti kerja berkumpulan / berpasukan, komunikasi, kemahiran kepimpinan, semangat perpaduan kaum dan persaingan sihat. Kemahiran-kemahiran ini secara tidak langsung menjadikan penghuni KUO seorang individu yang mempunyai jati diri yang baik dan berkebolehan dalam segala aspek.

**Kata kunci:** Impak, penghuni kolej, penganjuran, penglibatan, program kolej, sistem merit

## PENGENALAN

Kehidupan seseorang pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada hari ini telah banyak berubah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Perubahan boleh dikatakan berlaku secara holistik, setiap masa dan melibatkan pelbagai bidang sama ada akademik dan bukan akademik (seperti ko-kurikulum). Apabila berlaku perubahan ini, pelajar dituntut supaya lebih agresif dalam segala bidang (akademik atau bukan akademik) supaya mereka tidak ketinggalan daripada arus perubahan. Sebagaimana yang diketahui umum, alam universiti adalah tempat seseorang pelajar mengasah diri untuk menjadi seorang individu yang serba boleh dan oleh sebab itu pelajar pada hari ini semakin hari semakin bijak, pintar dan cerdik. Walaupun kehidupan di alam universiti sudah berubah dan wujud persaingan yang tinggi, sebenarnya masih ada juga segelintir pelajar yang masih tidak mahu berubah, ketinggalan, tidak mempunyai kesedaran dan mengambil pendekatan tidak peduli dengan keadaan sekeliling. Sebaliknya mereka lebih selesa menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah seperti melepak di kedai makan, menghabiskan masa di bilik bermain *games*, melayari internet atau bermain dengan telefon bimbit (*facebook, instagram, twitter*). Ada dalam kalangan mereka ini yang mempunyai bakat yang baik semasa di peringkat sekolah dan matrik, tetapi apabila memasuki universiti dan berkawan dengan pelbagai jenis kawan (terutamanya yang tidak baik) mereka berubah menjadi pasif.

Bagi memastikan bakat, kemahiran dan kebolehan dalam diri pelajar tidak disia-siakan, pelbagai alternatif dan strategi dilakukan oleh pihak universiti, fakulti serta kolej kediaman. Antara strategi yang diperkenalkan ialah 'sistem merit'. Sistem merit sebagaimana yang diketahui umum bukan suatu perkara baru, malah telah digunakan oleh institusi atau agensi untuk menilai prestasi pekerja. Menurut *U.S Office or Personal Management (OPM)*, prinsip sistem merit ialah untuk menilai prestasi ahli secara berkesan. Melalui sistem merit, kualiti kerja, penugasan, tingkah laku dan tanggungjawab seseorang individu semakin meningkat. Malah prinsip sistem merit yang betul mempunyai lima (5) komponen iaitu merancang, memantau, membangun, menilai dan memberi ganjaran. Sistem merit juga sering kali difahami secara berbeza oleh sesetengah pihak. Ada pihak yang melihat sistem merit sebagai denda atau alat kawalan sosial untuk menghukum kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pekerja atau pelajar. Pemberian denda atau penilaian kesalahan ini sebenarnya ialah 'sistem demerit' dan bukannya 'sistem merit'. Demerit diberikan kepada seseorang apabila mereka melakukan kesalahan dan mata demerit bergantung kepada institusi atau organisasi yang menggunakan sistem ini. Sebagai contoh sistem demerit yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 15 April 2017 (*Berita Harian 2017*). Antara kesalahan yang boleh dikenakan demerit ialah 'gagal mematuhi lampu isyarat' dan 'memandu melebihi had laju'. Apabila jumlah demerit terkumpul sudah mencukupi, pihak JPJ boleh menggantung atau membatalkan lesen memandu seseorang pesalah.

Dalam konteks kolej kediaman seperti Kolej Ungku Omar (KUO) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) misalnya, sistem merit adalah untuk memberi pengiktirafan kepada penghuni / pelajar yang cemerlang, aktif dan banyak mengangkat nama kolej ke peringkat lebih tinggi. Malah, sistem merit yang diperkenalkan telah berjaya memberi impak positif kepada pelajar sehingga mereka aktif terlibat dengan pelbagai program dan dalam masa yang sama turut aktif menganjurkan program. Penglibatan aktif dalam bidang kokurikulum seperti bidang sukan, keusahawanan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kepimpinan sama ada sebagai peserta biasa atau ahli

jawatankuasa membantu seseorang pelajar menjadi lebih aktif, mempunyai nilai jati diri dan moral yang tinggi. Hal ini adalah kerana mereka berinteraksi dengan pelbagai pihak sama ada di dalam universiti, pihak luar dan terdapat interaksi dengan alam sekitar juga. Dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan sendiri ada menggariskan bahawa, kurikulum kebangsaan merupakan satu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012). Selain membentuk jati diri dan moral, penglibatan aktif dengan kokurikulum turut membantu perkembangan pelajar dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini.

Di peringkat sekolah rendah, menengah dan matrik sendiri pun turut mementingkan aktiviti kokurikulum selain akademik. Hal ini kerana, mereka sedar bahawa kebanyakan universiti di Malaysia dan di seluruh dunia pada hari ini turut menjadikan kemahiran kokurikulum sebagai salah satu kriteria dan syarat kelayakan untuk memasuki universiti. Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, walaupun kokurikulum hanya mewakili 10 peratus berbanding 90 peratus pencapaian akademik dalam kriteria kemasukan pelajar, ia tetap dianggap penting (*Utusan Online 2010*). Apabila sesebuah universiti mempunyai pelajar yang berkualiti, berkelayakan dan berkemahiran tinggi, nama universiti terlibat juga makin dikenali terutamanya melalui penganjuran program atau pertandingan yang disertai mereka. Sistem merit pula diperkenalkan sebagai pengiktirafan dan sebagai galakan kepada pelajar supaya mereka terus aktif serta bersaing secara sihat untuk menjadi yang terbaik. Oleh itu, artikel ini ditulis berdasarkan dua tujuan utama. Tujuan pertama ialah membincangkan peranan serta kepentingan sistem merit. Manakala tujuan kedua ialah meneliti dan memahami impak sistem merit ke atas penglibatan dan penganjuran program oleh penghuni KUO.

## **METOD & KAWASAN KAJIAN**

Kertas kerja ini menggunakan data primer dan sekunder. Data primer adalah berbentuk kertas kerja program yang dihantar (*hardcopy*) oleh penghuni kolej (pelajar prasiswazah) sebagai pembuktian atau syarat utama untuk menganjurkan satu-satu program. Kertas kerja yang dihantar kemudiannya direkodkan oleh felo penghuni ke dalam perisian atau *microsoft excel*. Maklumat juga diperolehi melalui kaedah penglibatan ikut serta oleh felo-felo kolej kediaman sebelum, semasa dan selepas program berjalan. Bagi tujuan kajian ini, maklumat sesi 2016/2017 dan 2017/2018 digunakan. Manakala data sekunder pula berbentuk jurnal, statistik dan bahan-bahan bercetak serta elektronik lain yang diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan pencarian atas talian. Kawasan kajian terlibat ialah Kolej Ungku Omar (KUO) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## **SISTEM MERIT DI KOLEJ KEDIAMAN**

Sistem merit yang dilaksanakan di kolej-kolej kediaman adalah sebagai salah satu alternatif untuk mencorak kemahiran-kemahiran sosial seseorang pelajar supaya mereka lebih aktif dan menunjukkan tingkahlaku positif. Sistem merit boleh juga diibaratkan seperti 'serampang dua mata' kerana mempunyai banyak fungsi dan salah satunya berfungsi sebagai garis panduan untuk

mendisiplin pelajar dan pada masa sama membantu meningkatkan kemahiran insaniah serta motivasi. Pelaksanaan sistem merit menjadi suatu keperluan apabila wujudnya situasi atau keadaan yang mana terdapat kumpulan individu dengan pelbagai latar belakang seperti di kolej kediaman universiti, sekolah atau tempat kerja. Kepelbagaian latar belakang dimaksudkan ialah mereka-mereka yang mempunyai kemampuan, kebolehan, bakat, kemahiran dan tahap keaktifan yang berbeza. Apabila sesuatu aktiviti atau program dianjurkan pada peringkat kolej kediaman, dapat dikenalpasti penghuni yang aktif dan penghuni yang pasif. Penghuni pasif kebiasaannya lebih suka menghabiskan masa di bilik untuk melepak, tidur, melayari internet, bermain *games* atau bermain dengan telefon bimbit. Dalam keadaan ini sistem merit sangat berguna apabila pelajar yang aktif akan diberikan merit manakala pelajar yang pasif tidak akan mendapat apa-apa mata atau jumlah merit. Walaupun tidak aktif, pihak berkuasa merit seperti Felo Penghuni tidak akan mengenakan demerit selama mana mereka tidak menimbulkan masalah atau melanggar peraturan kolej. Namun begitu, mereka bakal berhadapan dengan masalah di penghujung semester seperti tidak terpilih untuk terus menginap di kolej kediaman.

Selain itu, sistem merit juga dianggap sebagai salah satu teknik modifikasi tingkah laku yang boleh digunakan untuk mengasah bakat pelajar dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan, kreativiti, inovasi, semangat berkumpulan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Menurut Miltenberger (2001), antara elemen atau teknik yang terdapat di dalam modifikasi tingkah laku ini ialah melalui token ekonomi. Token ekonomi mampu meningkatkan tingkah laku positif dan mengurangkan tingkah laku negatif serta menjadi alat peneguhan untuk membentuk dan mengubah tingkah laku. Dalam konteks KUO, penggunaan token ekonomi atau seumpamanya dipraktikkan oleh Sekretariat Keusahawanan sehingga mendapat sambutan menggalakkan daripada penghuni kolej untuk menjadi ahli pelaksana.

Di KUO juga, sistem merit telah digunapakai sejak tahun 2009 lagi seperti juga kolej-kolej kediaman yang lain, tetapi pelaksanaannya masih tidak tersusun. Bermula sesi 2014/2015, sistem merit di KUO dijenamakan semula bersesuaian dengan perubahan yang berlaku. Pelaksanaannya lebih menyeluruh, tersusun dan efektif apabila ditadbir oleh Majlis Felo KUO dengan kerjasama pihak pentadbiran kolej. Setiap kolej mempunyai cara pelaksanaannya yang tersendiri, namun tujuan dan objektifnya adalah sama iaitu untuk memberi pengiktirafan kepada penghuni kolej. Antara kelebihan yang diperolehi oleh penghuni kolej melalui sistem merit ini ialah pengiktirafan atau diberikan anugerah sebagai 'Pelajar Terbaik', Pelajar Paling Aktif', 'Program Terbaik' dan paling utama ialah untuk terus menginap di kolej kediaman.

Pihak berkuasa merit di KUO diketuai oleh Pengetua, Timbalan Pengetua, Majlis Felo dan pihak-pihak lain yang diberi kuasa (jarang digunakan). Permohonan merit dibuat oleh penganjur program dalam masa tujuh hari atau lebih sebelum berlangsungnya program menggunakan borang khas. Tempoh tujuh hari diberikan setelah mengambil kira beberapa perkara penting yang perlu dilakukan oleh Majlis Felo seperti mengadakan mesyuarat penetapan jumlah merit yang boleh diberikan (Jadual 1). Jumlah merit yang diperuntukkan kepada penghuni kolej adalah berbeza-beza mengikut kolej dan kebiasaannya tidak terpakai kepada kolej lain kerana sistem serta pengurusannya berbeza. Skor dan skema pemarkahan merit di KUO seperti Jadual 1 berikut;

**Jadual 1 Skor dan skema pemarkahan merit Kolej Ungku Omar sesi 2017/2018  
 Program Kolej / Sekretariat / Kelab**

BIL.	JAWATAN	KOD	MEGA	MAJOR	MINOR
1.	Ketua Pengarah	KP	150	100	50
2.	Timbalan Pengarah	TP			
3.	Setiausaha	SU	100	80	40
4.	Bendahari	B			
5.	Exco / Ketua Post	EX	80	50	30
6.	AJK	AJK	50	30	
7.	Peserta dan Hadir	PT	30	20	20
8.	Penderma*	BSMM		50	

**Nota\*:** Jumlah merit tertakluk kepada persetujuan Majlis Felo;

**Program Khas Kolej / Kelab [Berjadual seperti BSMM, KIOSK]**

BIL.	JAWATAN	KOD	MERIT
1.	Presiden	P	100
2.	Naib Presiden	NP	
3.	Setiausaha	SU	80
4.	Bendahari	B	
5.	Exco	EX	70
6.	AJK	AJK	60
7.	Ahli	A	50
8.	Hadir (Setiap Aktiviti Kelab) *	H	10*

**Nota\*:** Merit ahli (50 merit) **SAMA** untuk semua peringkat jawatan

**Program Fakulti / Pusat / Universiti**

BIL.	JAWATAN	KOD	MAJOR	MINOR
1.	Pengarah	P	100	50
2.	Timbalan Pengarah	TP		
3.	Setiausaha	SU	80	40
4.	Bendahari	B		
5.	Exco	EX	50	30
6.	AJK	AJK	30	20
7.	Kehadiran	H	20	15


**Program Luar Kolej / Program Berkupon / Ad Hoc / Jemputan**

KATEGORI PENGLIBATAN	MAKSIMUM	MINIMUM
Peserta	30	15
Penonton / Crowd	20	15

**Nota\*:** Jumlah merit tertakluk persetujuan Majlis Felo

Permohonan merit di KOU boleh dilakukan oleh individu, sekretariat, persatuan dan kelab melalui Majlis Eksekutif Pelajar (MEP) yang bertanggungjawab ke atas segala aktiviti pelajar. Borang permohonan lengkap kemudiannya dihantar kepada Majlis Felo melalui Felo Penasihat/Pemantau. Apabila dipersetujui oleh semua felo, merit akan diberikan kepada penghuni kolej yang terlibat dengan program selepas tamat program atau pada hari pemberian / tuntutan merit (ditentukan oleh Majlis Felo). Bagi penghuni KOU pula, mereka diwajibkan mempunyai Buku Aktiviti atau Buku

Merit (khas KUO) sebagai pembuktian penglibatan mereka. Pembuktian penglibatan penghuni KUO dengan program ditentukan melalui dua cara iaitu (1) senarai kehadiran – program dalaman kolej dan (2) menggunakan kupon – program luar kawasan kolej. Setelah merit diberikan, maklumat merit (jumlah) akan direkodkan dalam bentuk *microsoft excel* oleh Ketua Felo seperti carta alir dalam Rajah 1.



Rajah 1 Proses Permohonan dan Pembahagian Merit

## PENGLIBATAN PELAJAR DENGAN PROGRAM KOLEJ KEDIAMAN

Sebagaimana dimaklumkan di awal penulisan, tidak semua penghuni kolej mengambil peluang untuk terlibat dengan program yang dianjurkan di kolej kediaman mereka sama ada sebagai peserta atau pelaksana. Bagi sesetengah penghuni kolej, apabila sudah bergelar pelajar ‘senior’ (Tahun 2, 3 & 4) mereka tidak lagi berminat dengan program-program kolej kerana beranggapan sudah melaluinya ketika pengajian tahun 1. Malah ada juga yang beranggapan tiada keperluan untuk mereka terus aktif kerana ingin memberi peluang kepada pelajar baru. Begitu juga dengan penghuni kolej yang aktif dengan program di fakulti, pusat pengajian, persatuan anak negeri dan persatuan-persatuan lain yang beranggapan program di kolej tidak penting. Sebaliknya mereka hanya melihat kolej kediaman sekadar tempat untuk berehat, makan serta tidur tanpa melilihat dalam konteks yang lebih luas. Situasi sama juga berlaku dalam kalangan penghuni KUO.

Penghuni kolej kediaman mungkin tidak tahu bahawa fungsi kolej kediaman pada hari ini jauh lebih luas fungsinya berbanding apa yang mereka fikirkan. Pihak pentadbiran universiti telah menyarankan supaya kolej kediaman dinaiktaraf menjadi tempat pembelajaran untuk membentuk dan mempraktikkan kemahiran-kemahiran sosial seperti kemahiran insaniah melalui penglibatan dan penganjuran pelbagai program. Malahan, konsep ini telah banyak diimplimentasikan oleh kolej-kolej kediaman Universiti Awam (UA) di negara ini. Menyedari kepentingan kolej kediaman sebagai platform untuk meningkatkan pembangunan akademik dan pembangunan modal insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) misalnya melalui Majlis Pengetua Kolej-Kolej Kediaman telah menganjurkan Anugerah Kolej Kediaman 2016 (AKK’16). Penganjuran ini tidak lain untuk memberi pengiktiraf dan penghargaan ke atas komitmen serta prestasi cemerlang barisan kepimpinan kolej dalam menganjurkan program-program demi pembangunan pelajar (UTHM 2016). Begitu juga

situasinya di Universiti Malaya (UM) apabila salah kolej kediaman mereka iaitu Ibnu Sina telah berjaya menganjurkan program kempen kesedaran kesihatan 'Jom Sihat'. Program yang dianjurkan sangat berjaya dan mendapat sambutan menggalakan daripada masyarakat setempat. Selain dapat mengasah bakat dan mempelajari ilmu baru, program anjuran mereka turut memberi impak yang besar kepada masyarakat apabila ramai yang berpeluang mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma (*Utusan Online* 2009).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kemahiran insaniah sangat penting (terutamanya pelajar) kerana kemahiran ini merangkumi pelbagai perspektif selain akademik seperti nilai komunikasi, kepimpinan, kerjasama berpasukan, pembelajaran dan nilai-nilai positif lain (Kementerian Pengajian Tinggi 2006). Pembelajaran yang berpusat kepada pensyarah dan berdasarkan gred peperiksaan semata-mata tidak lagi efektif dalam penguasaan kemahiran insaniah (Hardigan 1994 & Othman Hussain et al. 2008). Malah, untuk menguasai kemahiran insaniah ini pelajar perlu terlibat secara aktif dengan program selain akademik sama ada sebagai peserta atau pelaksana. Kecemerlangan akademik seseorang penghuni kolej walaupun mencapai CGPA 4.0 sebenarnya masih tidak memadai sekiranya tiada atau lemah dari segi *softskill*. Malah, mereka tidak boleh dianggap sebagai seorang pelajar berkualiti sekiranya tidak pandai untuk berkomunikasi di hadapan khalayak ramai, tidak pandai menguruskan masa, menyelesaikan masalah dan bekerja secara berkumpulan dengan baik. Malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa, majikan-majikan pada hari ini turut mempertikaikan perkara yang sama apabila mendedahkan kualiti graduan sangat rendah walaupun pencapaian akademik sangat baik. Menurut Lukman (2005), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran komunikasi dan pengurusan tekanan/emosi/stress.

Pengurusan tekanan/emosi/stress misalnya menjadi isu yang besar dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini adalah kerana, kegagalan untuk mengurus isu ini boleh mendorong pelajar terlibat dengan perkara yang tidak sihat seperti cubaan membunuh diri, terlibat dengan bahan terlarang seperti alkohol dan juga pengambilan dadah. Menurut Rice (1999), masalah seperti ini boleh berlaku disebabkan oleh tiga (3) faktor iaitu persekitaran, gangguan mental dan reaksi fizikal. Menurut Kohn dan Fraser (1986) pula, antara punca pelajar IPT stress ialah tekanan akademik, kritikan oleh pensyarah, desakan, perubahan bebanan sendiri, kekecewaan, konflik diri (Ferlis, Balan & Rosnah 2009), situasi di kolej kediaman dan masalah penyesuaian diri. Oleh sebab itu, pendedahan dengan pelbagai program kolej secara tidak langsung mendedahkan pelajar dengan ilmu-ilmu baru, dapat membentuk peribadi yang baik, menjadi generasi yang serba boleh dan pada masa sama mereka seronok apabila mempunyai aktiviti sihat untuk dilakukan. Dalam isu ini juga, pihak universiti melalui kolej kediaman perlu memainkan peranan penting supaya pelajar atau penghuni kolej selesa ketika berada di universiti dan tahap tekanan tidak terus meningkat (Mastura et al. 2007).

## **PENGANJURAN PROGRAM DI KOLEJ KEDIAMAN**

Kebanyakan idea dan cadangan untuk menganjurkan satu-satu program di kolej kediaman biasanya datang daripada penghuni kolej sendiri dengan kerjasama MEP atau Jawatankuasa Siswa Siswi

(JAKSA), Persatuan Pelajar, Kelab atau Sekeretariat yang terdapat di kolej kediaman. Pentadbiran kolej (Pengetua, Timbalan Pengetua, Pengurus, Kakitangan dan Felo Penghuni) pula bertindak selaku penasihat dan juga pemantau program. Kesedaran untuk menganjurkan program dalam kalangan penghuni kolej sebenarnya dipengaruhi oleh banyak faktor, antaranya ialah minat dengan program dan persatuan, mengasah bakat, mencabar kemampuan diri, memupuk semangat kekolejan dan menghidupkan suasana di kolej kediaman. Selain itu, tujuan lain penghuni kolej menganjurkan program adalah untuk mendapatkan merit dan merebut pelbagai anugerah yang ditawarkan sama ada pada peringkat kolej mahupun universiti. Dalam konteks KUO, idea yang dikemukakan oleh penghuni kolej dibincang secara terperinci antara ahli jawatankuasa mereka sebelum dikemuka dan diketengahkan kepada pihak pentadbiran kolej dan felo penghuni. Apabila sudah dipersetujui, idea dipanjangkan pula kepada penasihat pusat UKM yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Mahasiswa dan Alumni (PPMPA). PPMPA merupakan unit yang memberi khidmat kepada semua Persatuan, Kelab, Jawatankuasa Majlis Eksekutif Pelajar Kolej (MEP) dan juga sebagai penasihat kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam menguruskan program dan aktiviti pelajar sepanjang tahun. Terdapat juga sesetengah idea program dicadangkan oleh pihak Pengurusan dan pelaksanaannya ialah penghuni kolej sendiri. Antara program yang dimaksudkan ialah program pertukaran maklumat antara universiti atau penanda aras (*Benchmarking*). Program seumpama ini sangat berguna kepada Pentadbiran Kolej, Kepimpinan Pelajar seperti MEP atau JAKSA dan penghuni kolej sendiri kerana banyak perkongsian dapat dibuat. Salah satunya ialah penganjuran program yang berkualiti. Malahan program seperti ini sangat popular dan menjadi pilihan kebanyakan kolej-kolej kediaman di universiti dalam negara ini seperti yang dilakukan oleh KUO sendiri dan universiti-universiti baru seperti USIM, UNIMAP (*Utusan Online* 2018).

Pengalaman pelajar/penghuni kolej penganjur program turut memberi nilai tambah kepada mereka dan pada masa sama dapat mencungkil serta mengenal potensi diri (Jamaludin et al. 2009). Selain itu, seseorang pelajar yang aktif menganjurkan program dapat membina personaliti yang baik dan terpuji sebelum mereka menceburi bidang pekerjaan pada masa hadapan (Jumali et al. 2010). Sokongan dan galakkan diterima daripada pihak kolej secara tidak langsung memberi peluang kepada penghuni kolej untuk merancang, melaksanakan dan menilai pengalaman pembelajaran pelajar sendiri selari dengan kontrak pembelajaran. Kaedah ini telah diuji keberkesannya di peringkat IPT dan alam pekerjaan dalam pengukuhan kemahiran insaniah (Jumali et al. 2011). Penganjuran program kolej juga memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam kerja sosial yang menjadi petunjuk terhadap kualiti sesebuah IPT (Mulder 2009). Di UKM sendiri, format penganjuran program berdasarkan beberapa fasa seperti dibentuk sebuah organisasi induk seperti MEP yang mempunyai portfolio masing-masing. Selain itu, MEP turut merangka aktiviti-aktiviti bermanfaat kepada penghuni kolej di kolej kediaman sama ada berbentuk ilmiah atau bukan ilmiah terutamanya kepada pelajar baru yang masih mentah dan perlu diberi panduan. Kelebihan lain yang diperolehi pelajar/penghuni kolej yang menganjurkan program ialah mereka dapat menguasai banyak ilmu baru dan penting dalam pembentukan jati diri yang baik sebagai mana yang digariskan oleh *Malaysian Qualification Framework* (MQF) 2006. Lapan domain utama mengikut MQF berpandukan teori kognitif dan tingkah laku sosial positif yang boleh dikaitkan dengan penganjuran program kolej kediaman ialah (1) pengetahuan ilmu bidang; (2) kemahiran praktikal; (3) kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial; (4) etika, moral dan keprofesionalisme; (5) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; (6) kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian



masalah dan kemahiran saintifik; (7) pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat; dan (8) kemahiran mengurus dan keusahawanan (Sharifah Hapsah 2006). Kesemua kemahiran generik ini dapat membantu pelajar dalam kehidupan, pengamalan akademik dan pekerjaan malah dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Rodiah, Siti Rahayah & Noriah 2009). Sekiranya semua pelajar mendapat menguasai lapan domain sebagaimana digariskan oleh MQF, isu-isu yang selalu dibangkitkan seperti penggangguran dalam kalangan siswazah mungkin dapat diatasi. Sebagaimana laporan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) dan Kementerian Sumber Manusia (2005), seramai 59,315 graduan menganggur serta gagal mendapatkan pekerjaan. Antara punca utama yang dikenal pasti ialah kurang kemahiran untuk komunikasi (Rodiah, Siti Rahayah & Noriah 2009).

Namun begitu, kesedaran pelajar terhadap kepentingan penganjuran dan penglibatan dengan program masih lagi rendah. Oleh itu, pengenalan sistem pembelajaran kokurikulum berkredit yang diamalkan oleh sesetengah universiti terutamanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dapat membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar (Sharifah Hapsah 2011). Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil inisiatif dalam membangunkan kemahiran insaniah ini dengan memberi kredit bagi setiap penganjuran dan penglibatan program yang dilaksanakan. Kokurikulum ini berdasarkan lapan prinsip (Jumali et al. 2011) yang dapat dijadikan garis panduan terhadap penganjuran dan penglibatan pelajar dalam program di kolej. Antara lapan prinsip pelaksanaan kokurikulum berkredit berasaskan kontrak pembelajaran tersebut seperti, (1) saling mempercayai dan jujur, (2) pengalaman pembelajaran menyeluruh, (3) asli, (4) pembelajaran melalui pengalaman, (5) menyeronokkan, (6) luwes (fleksibel), (7) kemahiran insaniah dan (8) pemacu sendiri pelajar.

## HASIL DAN PERBINCANGAN


Hasil analisis yang dilakukan ke atas data terkumpul mendapati bahawa, penglibatan dan penganjuran program bagi sesi 2017/2018 semakin meningkat berbanding sesi 2016/2017. Peningkatan ini salah satunya disebabkan oleh pelaksanaan serta pemerkasaan sistem merit yang lebih baik oleh pentadbiran KUO. Daripada analisis yang dilakukan, program yang melibatkan penghuni KUO ini terbahagi kepada dua iaitu program anjuran Pusat (universiti, pusat pengajian, fakulti) dan anjuran KUO sendiri. Program anjuran Pusat (universiti, pusat pengajian, fakulti) bermakna program yang bukan dilakukan di kolej kediaman dan penghuni kolej hanya terlibat sebagai peserta sahaja. Berdasarkan Jadual 2, jumlah program Pusat pada sesi 2016/2017 hanya berbeza satu program sahaja pada sesi 2017/2018. Antara program anjuran Pusat (universiti, pusat pengajian, fakulti) yang biasa dianjurkan ialah Debat Naib Canselor, Bicara Naib Canselor, UKM Berselawat, Kempen Keselamatan Jalan Raya, Pilihanraya Kampus (PRK) dan Sukan Antara Fakulti. Manakala program anjuran KUO meningkat agak ketara daripada 30 program kepada 44 program. Kebiasaannya, jumlah penghuni kolej yang terlibat dengan program anjuran Pusat tidak terlalu ramai (bergantung kepada jenis program) kerana selalunya program dianjurkan secara *ad hoc* dianjurkan di luar kolej. Oleh sebab itu, jarang ada penghuni kolej yang secara sukarela untuk terlibat kerana pelbagai alasan seperti bertembung dengan jadual kuliah, ada masalah keluarga, tidak mendapat maklumat, tiada kenderaan dan sebagainya.

Jadual 2 Jumlah program yang melibatkan penghuni KOU sesi 2016/2017 dan 2017/2018

Anjuran	Sesi Pengajian	
	2016/2017	2017/2018
Universiti / Pusat / Fakulti	6	7
KOU	30	44
Jumlah*	36	51

Nota:\*Anggaran. Sumber: Kolej Ungku Omar 2018

Namun begitu, setelah diperkenalkan sistem merit penghuni kolej lebih terbuka dan berebut untuk menyertainya. Sebagai contoh, program Debat Piala Naib Canselor (NC) yang diadakan setiap sesi dan penyertaan adalah tidak terhad. Malahan hebahan mengenai program juga dibuat dari semasa ke semasa supaya penghuni kolej mendapat maklumat awal. walaupun begitu, penyertaannya masih juga sederhana.



Rajah 2 Jumlah program mengikut penganjuran sesi 2016/2017 dan 2017/2018

Pada sesi 2016/2017, maklumat yang diperolehi daripada analisis mendapati bahawa, hanya seramai 40 orang penghuni KOU sahaja yang menyertainya daripada 1,096 orang penghuni yang berdaftar di KOU. Rata-rata daripada mereka ialah pelajar tahun 1 Ijazah Pertama (Degree). Pada sesi 2017/2018, jumlah penyertaan meningkat kepada 54 orang juga dalam kalangan pelajar tahun 1. Antara sebab lain yang dikenalpasti jumlah penyertaannya rendah adalah kerana jumlah peruntukan merit yang diberikan lebih rendah berbanding merit program yang dianjurkan oleh KOU sendiri. Merit untuk program anjuran kolej lebih tinggi kerana memerlukan perancangan yang rapi, tempoh masa yang lebih panjang dan banyak tugas yang perlu dilakukan. Perbezaan jumlah merit ini sebenarnya selaras dengan objektif awal pelaksanaan sistem merit iaitu untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar yang aktif di kolej kediaman sahaja, cuma akhir-akhir ini pemberian merit kepada penghuni KOU yang aktif diluar kolej mula dipertimbangkan.


Hasil analisis juga mendapati bahawa program anjuran KOU sendiri meningkat daripada 30 program pada sesi 2016/2017 kepada 44 program pada sesi 2017/2018. Di KOU, penganjuran program banyak dikendalikan oleh MEP kerana segala permohonan dan kelulusan daripada pentadbiran kolej atau universiti perlu melalui organisasi ini. Di KOU juga terdapat 16 orang MEP dan di bawahnya pula terdapat 12 sekretariat atau portfolio iaitu Majlis Tertinggi (Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif 1 & 2, Setiusaha dan Bendahari), Akademik, Kerohanian, Keselamatan, Penerbitan & ICT, Hal Ehwal Siswi, Keusahawanan, Sukan & Rekreasi, Kebudayaan & Warisan, Kebajikan & Kaunseling, Integrasi & Perpaduan Kaum dan Hal Ehwal Luar & Pengantarabangsaan. Setiap MEP bertanggungjawab merangka strategi untuk menganjurkan program sehingga berjaya

sama ada dari segi perancangan, dana, penyertaan dan sambutan. Malahan boleh oleh dikatakan setiap MEP dan sekretariat ini sangat aktif menganjurkan program kerana masing-masing mempunyai pengaruh tersendiri untuk menarik minat penghuni kolej supaya terlibat dengan program yang dianjurkan.

Jadual 3 Jumlah program mengikut MEP dan Sekretariat bagi sesi 2016/2017 dan 2017/2018

Bil	Sekertariat	Sesi Pengajian & Jumlah	
		2016/2017	2017/2018
1	Majlis Tertinggi (MT)	5	5
2	Akademik	-	4
3	Kerohanian	9	7
4	Keselamatan	1	4
5	Penerbitan & ICT	-	1
6	Siswi	-	-
7	Keusahawanan	1	3
8	Sukan & Rekreasi	1	3
9	Kebudayaan & Warisan	2	4
10	Kebajikan & Kaunseling	7	4
11	Integrasi & Perpaduan Kaum	-	2
12	Hal Ehwal Luar & Antarabangsa	4	7
Jumlah		30	44

Sumber: Kolej Ungku Omar 2018



Rajah 3 Program Mengikut Sekretariat di KUO bagi sesi 2016/2017 dan sesi 2017/2018

Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat jumlah program yang dianjurkan oleh MEP di KUO. Antara MEP paling menonjol dari segi penganjuran program setiap sesi pengajian ialah MEP Kerohanian, Kebajikan & Kaunseling dan Hal Ehwal Luar & Pengantarabangsaan. Pada sesi 2016/2017, MEP Kerohanian telah menganjurkan sembilan (9) program, manakala MEP Kebajikan & Kaunseling menganjurkan tujuh (7) program dan MEP Hal Ehwal Luar & Pengantarabangsaan dengan empat (4) program. Pada sesi 2017/2018 pula, MEP Kerohanian masih lagi mengekalkan

keaktifan mereka apabila menganjurkan tujuh (7) program sama jumlahnya dengan MEP Hal Ehwal Luar dan Pengantarabangsaan (7 program). Manakala MEP Kebajikan dan Kaunseling juga banyak menganjurkan program ada sesi 2017/2018 cuma programnya adalah lebih kecil berbanding program lain. Oleh sebab itu program anjurannya dirangkumkan sekali menjadi hanya empat (4) program sahaja. Daripada program-program yang dianjurkan oleh penghuni KUO sepanjang sesi 2016/2017 dan sesi 2017/2018, kebanyakannya adalah program berimpak tinggi. Maksud berimpak tinggi ialah memberi nilai tambah kepada diri sendiri, golongan yang dibantu sama ada dalam bentuk kumpulan, komuniti atau masyarakat keseluruhannya, melangkaui sempadan negara serta adanya aspek-aspek inovasi. Antara program berimpak tinggi yang dimaksudkan ialah Program Anak Muda Nadi Malaysia (NADI), OASIS (mobiliti antarabangsa), Program Kerohanian (iftar, kursus sembelihan, zakat, kursus perkahwinan, pengurusan jenazah, maulidur Rasul), Kempen Menderma Darah, Program Kebudayaan, Perpaduan Kaum dan Keusahawanan.

## **IMPAK SISTEM MERIT TERHADAP PENGLIBATAN DAN PENGANJURAN PROGRAM OLEH PENGHUNI KUO**

Sistem merit yang diperkenalkan ternyata memberi impak yang besar kepada penghuni KUO. Selain dapat mencungkil bakat, sistem merit juga telah mengubah persepsi penghuni KUO terhadap program yang dianjurkan daripada untuk mendapat merit sahaja kepada minat dan pembentukan karektor yang positif terutamanya dari aspek (1) kerja secara berkumpulan / berpasukan, (2) komunikasi, dan (3) kepimpinan, (4) perpaduan dan (5) persaingan sihat. Persaingan sihat dimaksudkan ialah untuk mengumpul merit tertinggi dengan harapan mendapat anugerah pelajar terbaik dan diterima untuk terus menginap di kolej kediaman.

### **1. Kerja Berkumpulan / Berpasukan**

Cabaran paling besar dalam kalangan penghuni KUO untuk menganjurkan program ialah sambutan/penyertaan daripada penghuni yang lain. Apabila sudah mendapat ahli, cabaran lain yang timbul ialah kerja berpasukan. Malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa isu kerja berpasukan seperti kerjasama dalam kumpulan adalah isu utama setiap kali penganjuran program. Apabila tiada semangat kerja berpasukan, tiada kerjasama antara ahli *bonding* antara mereka juga tidak ada. Selepas sistem merit diperkenalkan masalah ini sedikit demi sedikit dapat diselesaikan. Pemerhatian yang dilakukan oleh felo pemantau juga mendapati bahawa semangat kerja berkumpulan penghuni KUO semakin baik. Buktinya dapat dilihat kepada jumlah program yang dianjurkan di KUO untuk dua sesi terakhir iaitu 2016/2017 dan 2017/2018 semakin meningkat. Antara sekretariat paling menonjol dengan program di KUO ialah Sekretariat Kerohanian, Kebajikan & Kaunseling dan Hal Ehwal Luar & Pengantarabangsaan.

Program anjuran Sekretariat Kerohanian dengan kerjasama Kelab Iqra KUO misalnya mendapat sambutan sangat menggalakkan daripada semua penghuni kolej tanpa mengira tahun pengajian, latar belakang agama dan bangsa. Kerjasama antara ahli-ahli sekretariat dan kelab ini terbukti sangat kuat apabila permohonan untuk menyertai sekretariat ini juga meningkat dari setahun ke setahun. Contoh yang ditunjukkan, anugerah demi anugerah yang dimenangi telah menarik minat penghuni lain untuk menyertai pasukan mereka. Antara program yang dilakukan

oleh sekretariat ini ialah Iftar setiap hari Isnin dan Khamis, *2 For Omarians*, program atau ceramah-ceramah akademik serta keagamaan dan juga bengkel. Walaupun program yang dianjurkan lebih kepada islamik, namun tidak menghalang penghuni berbangsa Cina dan India untuk menyertainya.


Semangat kerja berkumpulan yang diterapkan oleh setiap ahli sekretariat dan kelab mereka sebenarnya sangat berguna, terutamanya apabila mereka memasuki alam pekerjaan nanti. Menurut Kliegl & Weaver (2013), nilai-nilai kerja berkumpulan telah menjadi keutamaan dalam pasaran buruh pada hari ini. Dikatakan bahawa, 71 peratus majikan pada hari ini mendedahkan bahawa, institusi seperti kolej perlu memberi penekanan lebih serius mengenai kemahiran kerja berpasukan dan kebolehan bekerjasama dengan kumpulan yang pelbagai. Selain itu, Buckenmyer (2000) turut mendedahkan bahawa, pada hari ini telah banyak program-program di universiti menjadikan budaya kerja berpasukan sebagai sebahagian daripada silibus / kurikulum penting kerana menyedari kepentingannya dalam industri pekerjaan.

## **2. Meningkatkan Kemahiran Komunikasi**

Sistem merit yang diperkenalkan turut meningkatkan kemahiran komunikasi penghuni KUO. Setiap kali penganjuran program, penghuni KUO diberi peluang, galakan dan dorongan agar terlibat aktif supaya mereka dapat mempelajari ilmu baru serta mendapat pengalaman, terutamanya dari segi komunikasi. Antara kemahiran komunikasi yang mereka perolehi ialah ketika mengendalikan mesyuarat, membuat perbincangan dan pertemuan dengan pentadbiran universiti, kolej kediaman serta anggota masyarakat. Penghuni kolej yang tidak mendapat pendedahan berguna seperti ini tidak berupaya untuk berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai pihak dan penganjuran program tidak berjalan dengan lancar. Penglibatan dan penganjuran program sebagai salah satu platform untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi bukan suatu perkara baru, malahan telah lama dipraktikkan oleh universiti-universiti di Malaysia terutamanya. Hasilnya ialah, penghuni kolej berupaya menganjurkan program besar seperti mobiliti antarabangsa. Dalam konteks KUO, penganjuran program ke luar negara sangat berjaya di bawah kendalian MEP Hal Ehwal Luar dan Pengantarabangsaan.

Penganjuran oleh MEP ini berjaya mendapat tajaan yang besar daripada syarikat-syarikat luar hasil daripada kemahiran komunikasi mereka yang baik. Walaupun ahlinya dalam kalangan pelajar tahun 1, namun kemampuan yang ditunjukkan sesuatu yang boleh dibanggakan. Malah, ramai dalam kalangan penghuni KUO yang memohon untuk mengikuti program dianjurkan oleh MEP ini kerana mereka berpeluang untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, bukan sahaja dengan syarikat korporat, pentadbiran universiti tempatan tetapi juga pihak luar. Selain program mobiliti antarabangsa, kejayaan lain yang dicapai oleh sekretariat ini ialah penganjuran kelas komunikasi bahasa Mandarin setiap sesi pengajian. Penyertaan penghuni kolej daripada pelbagai kaum membuktikan bahawa program kemahiran komunikasi mendapat sambutan. Daripada 119 orang peserta pada sesi 2016/2017, seramai 35 orang adalah penghuni Melayu (pelbagai tahun pengajian) dan selebihnya adalah penghuni berbangsa Cina (84 orang). Penyertaan daripada penghuni KUO masih kurang. Makala pada sesi 2017/2018 pula, penghuni Melayu seramai 41 orang, India seramai sembilan orang dan selebihnya adalah penghuni Cina (55 orang). Dengan adanya sistem merit, penyertaan penghuni Melayu dan India semakin bertambah pada sesi 2017/2018.

Rajah 4 Penyertaan penghuni KOU dalam program Kelas Mandarin sesi 2016/2017 dan sesi 2017/2018



### 3. Meningkatkan Kemahiran Kepimpinan

Sebagaimana kemahiran berkomunikasi, penglibatan penghuni kolej dengan program yang dianjurkan secara tidak langsung membentuk sifat kepimpinan dalam diri mereka. Melalui program, mereka diberi peluang untuk menyatakan pendapat dan berkongsi pandangan supaya program yang dijalankan lebih baik pada masa-masa hadapan. Namun begitu, bukan semua penghuni kolej mempunyai kemampuan ini dan oleh sebab itu mereka digalakkan untuk terlibat aktif dengan program. Elemen penting untuk menjadi seorang pemimpin yang baik ialah tidak gentar untuk memberi idea, berkomunikasi dengan baik di hadapan khalayak ramai, bijak membuat keputusan dan tidak emosional apabila berselisih pendapat. Melalui penglibatan atau penganjuran program juga, mereka berpeluang untuk mempraktikkan apa yang dipelajari secara teori di dalam kelas atau kuliah. Di KOU sendiri, sebelum sesuatu program dianjurkan, perbincangan secara terbuka dibuat dengan penghuni kolej untuk mencari idea-idea terbaik. Melalui perbincangan terbuka ini sudah dapat dilihat ciri-ciri kepimpinan yang ada dalam kalangan mereka. Sifat kepimpinan yang ditunjukkan seterusnya diperturunkan kepada peserta baru yang terlibat dengan program.

Antara kejayaan yang dicapai oleh KOU melalui sifat kepimpinan penghuninya ialah program Mobiliti Antarabangsa yang dikenali dengan nama *Omarian Aspirational International Synergy* (OASIS) ke beberapa buah negara seperti China, Jepun, Korea, Singapura dan Kemboja dalam tempoh yang singkat. Bukan itu sahaja, mereka juga berjaya mendapat tajaan yang besar daripada pihak luar UKM untuk program yang dianjurkan ini. Program mobiliti ini turut mendapat sokongan penuh pihak UKM yang sememangnya menggalakkan pelajar pergi ke luar negara untuk mempelajari ilmu baru, memahami budaya lain dan bertukar idea dengan pelajar antarabangsa yang boleh dikongsi untuk kepentingan bersama. Malah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Kamel Mohamad turut menyokong program seumpama ini kerana pelajar yang terlibat terdedah dengan persekitaran semasa yang memerlukan mereka keluar dari zon selesa (Utusan Online 2016). Selain itu, program mobiliti ini secara tidak langsung dapat membentuk jati diri untuk lebih bermotivasi dalam mencapai kejayaan yang diimpikan.

#### 4. Meningkatkan Semangat Perpaduan Kaum

Salah satu kelebihan yang diperolehi oleh seseorang pelajar di institusi pengajian tinggi ialah dapat mempelajari budaya pelbagai kaum. Dengan adanya sistem merit, pelajar-pelajar IPT terutamanya di kolej kediaman lebih bersemangat untuk menganjurkan pelbagai program berbentuk kebudayaan dan perpaduan kaum. Malahan, IPT sendiri menjadi medan dan platform terbaik untuk memupuk semangat ini perpaduan serta menghormati kepelbagaian yang ada. Di KUO sendiri, banyak program berbentuk kebudayaan dan integrasi kaum dianjurkan untuk memberi pendedahan dan peluang kepada penghuni lain yang mungkin tidak pernah berpeluang untuk mempelajarinya. Malahan dengan adanya sistem merit, jumlah penganjurannya juga semakin meningkat. Antara sekretariat yang sering menganjurkan program ini di KUO ialah Sekretariat Kebudayaan dan Sekretariat Integrasi Perpaduan Kaum. Program-program yang dianjurkan menjadi meriah apabila melibatkan semua bangsa yang ada di KUO termasuk pelajar-pelajar antarabangsa. Namun begitu, program yang dianjurkan pada sesi 2016/2017 tidak begitu banyak iaitu hanya tiga program kebudayaan serta perpaduan dilakukan. Antaranya ialah Rentas Budaya, Festival Kesenian Inter Kolej (ICAF) 2017 dan Pesta Angpow 2017 (Jadual 4).

Jadual 4 Program kebudayaan dan integrasi kaum di KUO untuk sesi 2016/2017 dan sesi 2017/2018

Sesi	Nama Program
2016/2017	Rentas Budaya 2017
	Festival Kesenian Inter Kolej (ICAF) 2017
	Pesta Ang Pow 2017
2017/2018	Pesta Tanglung 2017
	Festival Teater (FESTER) 2017
	Festival Kesenian Islam 2017
	Pesta Ang Pow 2018
	Pesta Ponggal 2018
	Festival Kesenian Inter Kolej (ICAF) 2018 <i>Omarian Festival of Variance (OfOV) 2018</i>

*Sumber:* Kolej Ungku Omar 2018

Pada sesi 2017/2018 pula menunjukkan peningkatan dari segi penganjuran program ini di KUO. Antara program dianjurkan ialah Pesta Tanglung, Festival Teater (FESTER) 2017, Festival Kesenian Islam (2017), Pesta Ang Pow, Pesta Ponggal, Festival Kesenian Inter Kolej (ICAF) 2018 dan *Omarians Festival of Variance (OfOV) 2018*. Kesemua program yang dianjurkan ini mendapat sambutan daripada penghuni kolej yang berbeza latar belakang sama ada agama ataupun bangsa. Sebenarnya program berbentuk perpaduan ini telah lama diperkatakan iaitu sejak Datuk Seri Mustapa Mohamed menjadi Menteri Pengajian Tinggi lagi. Saranan yang disampaikan oleh Menteri ini adalah kerana pihak kementerian masih tidak berpuas hati dengan tahap perpaduan kaum di kampus-kampus dan meminta lebih banyak inisiatif diperkenalkan supaya dapat melonjakkan hubungan antara kaum. Sebagai menyahut seruan kerajaan, beberapa universiti tempatan telah

mengambil pendekatan proaktif memperbanyakkan program perpaduan di universiti masing-masing. Di UKM sendiri, pelbagai inisiatif telah dilakukan dan menurut Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin, syarat wajib penganjuran program di UKM perlu melibatkan semua pelajar berbilang kaum (Utusan Online 2007).

## **5. Persaingan Sihat / Peluang Menginap di Kolej Kediaman**

Impak lain sistem merit kepada penghuni kolej melalui penglibatan atau penganjuran program oleh peluang menetap di kolej kediaman. Penghuni KUO yang aktif berprogram sama ada peringkat kolej kediaman, fakulti, pusat pengajian atau universiti sendiri, mereka mempunyai peluang yang tinggi untuk terus menetap di kolej kerana jumlah merit terkumpul. Manakala penghuni yang tidak aktif, mereka berisiko 'dibuang' kolej dan terpaksa bersaing dengan permohonan baru. Dalam situasi di KUO, permohonan baru untuk menginap sangat tinggi memandangkan kedudukan KUO yang strategik di antara empat buah fakulti iaitu Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI). Selain itu, kedudukan KUO juga strategik dengan pelbagai pusat kemudahan lain seperti perpustakaan, pejabat pos, bank dan kiosk jualan makanan.

Merit minimum bagi penghuni KUO untuk terus menetap di kolej kediaman sentiasa berubah-ubah setiap sesi pengajian bergantung kepada jumlah kemasukan pelajar tahun satu (keutamaan kolej dan universiti) dan jumlah kekosongan tempat. Pada sesi 2017/2018, jumlah merit minimum yang diambil kira untuk terus menginap bagi sesi 2018/2019 ialah 181 merit untuk penghuni lelaki dan 151 merit untuk penghuni wanita. Rayuan penginapan oleh penghuni KUO yang tidak mencapai merit minimum hanya boleh dibuat selepas rekod penginapan dikemaskini oleh kakitangan pejabat yang menguruskan penginapan pelajar.

Isu merit dan *stay* kolej menjadi isu besar setiap sesi pengajian. Penghuni kolej memberi pelbagai alasan setelah mereka tidak diterima untuk menetap di kolej seperti tidak mampu untuk menyewa di luar UKM dan tidak mempunyai saudara mara di kawasan Bangi, Putrajaya serta kawasan sekitar lain. Namun begitu, alasan yang diberikan oleh penghuni ini sekadar untuk melepaskan diri dan apabila peluang kedua diberikan, mereka masih lagi melakukan perkara sama (tidak aktif atau terlibat dengan program) pada sesi-sesi baru pengajian.

## **KESIMPULAN**

Sistem merit yang diperkenalkan di kolej kediaman terbukti berkesan untuk memberi kesedaran serta mendidik penghuni kolej. Melalui sistem merit juga penghuni kolej lebih bermotivasi untuk terlibat dan menganjurkan program kerana mereka mendapat banyak kelebihan seperti dapat meningkatkan kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran berkomunikasi, mendapat ilmu dan pengalaman baru, mendapat anugerah pelajar cemerlang dan paling penting dapat terus menginap di kolej kediaman. Penglibatan aktif dengan program yang dianjurkan turut membantu penghuni kolej menjadi seorang pelajar atau individu yang kreatif, berkualiti, mempunyai karektor dan personaliti menarik serta berdaya saing yang tinggi. Walaupun sistem merit, penglibatan dan penganjuran program dapat membantu seseorang penghuni menjadi seorang pelajar/individu berkualiti, usaha berterusan daripada semua pihak masih diperlukan supaya momentum yang



ditunjukkan oleh penghuni kolej tidak terhenti di pertengahan jalan. Pihak pentadbiran kolej, felo penghuni dan pentadbiran universiti sendiri harus sentiasa memberi sokongan kepada penghuni kolej agar budaya 'pelajar senior tidak perlu lagi untuk melibatkan diri dengan program' tidak wujud dalam kalangan penghuni kolej kediaman.

## RUJUKAN

- Buckenmyer, J. (2000). Using teams for class activities: Making course/classroom teams work. *Journal of Education for Business*, 76, 98-107. doi:10.1080/08832320009599960
- Berita Harian*. 2017. Sistem Demerit tidak menyebabkan hukuman berganda. 20 April. <https://www.bharian.com.my/node/273888> [Akses 14 Julai].
- Hardigan, P. 1994. Investigation of learning contracts in pharmaceutical education. *American of Pharmaceutical Education* 58:386-390.
- Jamaludin, H.B., Rosna, A.H., Mohd Majid, K., Turiman, S., Maria, S. & Norhafezah, Y. 2009. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jumali, H.S., Khaidzir, H.I. & Shaharuddin, A. 2010. Objektif dan faedah berpersatuan. Dlm. Shahruddin Ahmad, Khaidzir Hj. Ismail & Jumali Hj. Selamat (pnyt). *Mengurus Persatuan : Proses dan Kemahiran, Bangi : Penerbit UKM*.
- Jumali, H.S., Khaidzir, H.I., Kadaruddin, A., Kadir, A., Lukman, Z.M., Roslee, R., Azahan, A., Mohd. Helmi A.R. & Norfadillah, D. 2011. Penilaian aktiviti kokurikulum bercredit berasaskan kontrak pembelajaran di UKM. *Jurnal Personalita Pelajar* 14: 101-114.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/BUKU%20DASAR.pdf> [Akses 14 Julai 2018].
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia. *Universiti Putra Malaysia*.
- Kementerian Sumber Manusia & Kementerian Pengajian Tinggi. 2005. Laporan Tahunan.
- Kliegl, J.A. & Weaver, K.D. 2013. Teaching teamwork through coteaching in the business classroom. *Sage Journal*. 77(2). <http://journals.sagepub.com/doi/full/10.1177/1080569913507596> [Akses 13 Julai 2018].
- Kohn, J.P., and Frazer, G.H. 1986. An academic stress scale: Identification and rated importance of academic stressors. *Psychological Reports* 59: 415-426.
- Mastura, M., Fadilah, Z. & Nor Akmar, N. 2007. Analisis faktor penyebab stress di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan* 9: 63-72.
- Miltenberger, R. G. 2001. *Behavior Modification: Principles and Procedures*. Belmont, California: Wadsworth/Thomas Learning.
- Mulder, M., Gulikers, J., Biemans, H. & Wesselink, R. 2009. The new competence concept in higher education: error or enrichment? *Journal of European Industrial Training* 33(8/9): 755-770.
- Othman, H., Mohd Salleh, B., alEdrus, S.M.D. & Sulaiman, A. 2008. Pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBM dan PBMBP) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Journal of Human Capital Development* 1(1): 61-73.
- Rice, P.L. 1999. *Stress and health*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.

- Rodiah, I., Siti Rahayah, A. & Noriah, M,I. 2009. Pengaruh kemahiran generik dan kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *MJLI* 6: 103-140.
- Sharifah, H.S.H.S. 2006. Kerangka kelayakan Malaysia. *Lembaga Akreditasi Negara*.
- Sharifah, H.S.H.S., Hassan, B., Riza, A.A.O.K.R., Khaidzir, Hj. I., Jumali, H.S., Roslee, R., Kadir, A. & Salina, I. 2011. Kokurikulum berkredit berasaskan kontrak pembelajaran. *Bangi: Pusat Akreditasi Pembelajaran UKM*.
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 2016. Anugerah Kolej Kediaman Memberi Pengiktirafan Hargai Komitmen dan Prestasi Cemerlang. <https://news.uthm.edu.my/ms/2016/12/anugerah-kolej-kediaman-2016-beri-pengiktirafan-hargai-komitmen-dan-prestasi-cemerlang/> [Akses 14 Julai 2018].
- U.S Office of Personnel Management. #####. Performance Management: Reference Material. <https://www.opm.gov/policy-data-oversight/performance-management/referencematerials/more-topics/merit-system-principles-and-performance-management/> [Akses 10 Julai 2018].
- Utusan Online*. 2007. IPTA sedia perbanyak program perpaduan. 14 Mei. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0514&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_10.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_10.htm) [Akses 12 Julai 2018].
- Utusan Online*. 2009. Program Kesihatan UM dapat sambutan. 24 Febuari. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0224&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka_02.htm) [Akses 14 Julai 2018].
- Utusan Online*. 2010. Aktif kokurikulum kriteria penting masuk IPT. 6 Julai. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0706&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0706&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm) [Akses 14 Julai 2018].
- Utusan Online*. 2016. Mobiliti pelajar perluaskan hubungan antarabangsa. 15 November. <https://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/mobiliti-pelajar-perluaskan-hubungan-antarabangsa-1.407983> [Akses 11 Julai 2018].
- Utusan Online*. 2018. Siswa USIM timba ilmu di UNIMAP. 26 Mac. <http://www.utusan.com.my/malaysia-kita/berita/siswa-usim-timba-ilmu-di-unimap-1.635486> [Akses 14 Julai 2018].